

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik atas soalan yang dikemukakan.

2. Semasa Lawatan Rasmi TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 1 Disember 2014, beliau telah menyatakan komitmen Kerajaan Thailand terhadap proses damai Selatan Thailand. Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut. Beliau turut melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai fasilitator. Perkara yang sama telah ditekankan oleh Perdana Menteri Thailand dalam pertemuan dengan YAB Perdana Menteri pada 27 April 2015 sewaktu sidang kemuncak ASEAN ke 26 di Kuala Lumpur. YAB Perdana Menteri menyambut baik perkara dan menyatakan komitmen Malaysia untuk terus membantu proses rundingan damai tersebut.

3. Kerajaan Malaysia juga akan terus membantu masyarakat Islam Selatan Thailand melalui program binaupaya dalam bidang pendidikan, latihan vokasional dan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.